

16/06/2000

Seri Paduka ketua Maulidur Rasul

KUALA LUMPUR, Khamis - Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah hari ini mengetuai kira-kira 10,000 umat Islam dalam sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan Tahun 1421 Hijrah.

Sambutan berlangsung di Stadium Putra Bukit Jalil di sini turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Perayaan bertema 'Bersyukur Tanda Keteguhan Iman' itu dimulakan dengan perarakan oleh kakitangan pelbagai jabatan kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan serta pelajar beberapa sekolah dari sekitar ibu negara.

Majlis itu turut dimeriahkan dengan pengkisahan sejarah kehidupan Nabi Muhammad SAW sejak dilahirkan hingga baginda wafat yang dipersembahkan oleh Kumpulan Kebudayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kumpulan Tunas Budaya, Maktab Tentera Diraja Sungai Besi serta kumpulan nasyid pelajar.

Pada majlis itu, Seri Paduka juga berkenan menyampaikan Anugerah Maulidur Rasul 1421H kepada 11 penerima yang dipilih berdasarkan sumbangan dan jasa mereka kepada kemakmuran dan kesejahteraan hidup umat Islam di negara ini.

Di SEREMBAN, kira-kira 3,000 umat Islam menyertai perarakan sempena sambutan itu yang dimeriahkan dengan kehadiran Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar dan Tuanku Ampuan Najihah.

Perarakan bermula di Jalan Berhala melalui Jalan Yam Tuan dan Jalan Datuk Bandar Tunggal. Sebelum itu, perhimpunan mulai jam 8.30 pagi diadakan di Padang Negeri Sembilan.

Di IPOH, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun berkenan berangkat ke majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di Dewan Bankuet Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini, pagi ini.

Lebih 1,500 umat Islam hadir bagi meraikan majlis.

Di KUANTAN, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob adalah antara lebih 1,000 umat Islam yang hadir di Dewan Jubli Sultan Ahmad Shah di sini, bagi meraikan sambutan Maulidur Rasul kali ini.

Selain menyaksikan nasyid daripada Kumpulan Saujana, hadirin berpeluang menyaksikan tayangan video berhubung Multimedia Syiar Dakwah, ceramah agama dan persembahan pentomin oleh pelajar Sekolah Menengah Seri Bentong, Karak.

Adnan yang mewakili Sultan Pahang, menyampaikan ucapan sempena sambutan Maulidur Rasul dan kemudian melancarkan buku Persediaan Menghadapi Mati yang diterbitkan Jabatan Agama Islam Pahang (Jaip).

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin menyertai perhimpunan untuk sambutan itu bersama Permaisuri Nur Zahirah. Hadir sama Menteri Besar, Abdul Hadi Awang, Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Senara Muda Mazlan Hashim serta ahli Exco negeri dan isteri masing-masing.

Di JOHOR BAHRU, lebih 6,000 umat Islam termasuk Sultan Johor hadir pada majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di Masjid Sultan Abu Bakar, di sini.

Pelbagai acara termasuk bacaan al-Quran, berzanji dan ceramah agama yang disampaikan oleh Timbalan Mufti negeri, Mohd Tahrir Shamsuddin turut diadakan.

Di SHAH ALAM, Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah hadir pada majlis penutup dan penyampaian hadiah Ujian Tahfiz al-Quran serta pelancaran sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri yang berlangsung di sini.

Pada majlis itu Tengku Idris menyampaikan hadiah kepada 58 peserta Ujian Tahfiz al-Quran dan enam daripadanya layak mewakili negeri ke peringkat kebangsaan yang akan diadakan tidak lama lagi.

Di KOTA BHARU, Sultan Kelantan dan Tengku Mahkota Kelantan berangkat menghadiri majlis sambutan perayaan Maulidur Rasul peringkat negeri yang diadakan di Masjid Muhammadi (Masjid Negeri), di sini, malam ini.

Majlis anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) itu turut diserikan dengan ceramah oleh Pengarah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Mohd Amin Salleh.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai, mengetuai kira-kira 2,000 umat Islam di Sabah berarak dari Padang Merdeka di sini ke Masjid Negeri di Sembulan, sejauh kira-kira tiga kilometer.

Kira-kira 80 kumpulan menyertai perarakan itu dengan berkumpul di Padang Merdeka seawal jam 7 pagi, dan turut disertai Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, serta beberapa menteri Kabinet kerajaan negeri lain.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam adalah antara pemimpin kanan kerajaan negeri yang menyertai perarakan Maulidur Rasul dari Stadium Kubu hingga ke perkarangan masjid Al-Azim.

Sejumlah 123 kontinjen membabitkan 5,500 peserta menyertai perarakan sejauh 3.3 kilometer itu yang bermula jam 9 pagi.

Di KANGAR, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, merasmikan konvensyen belia anjuran Jabatan Belia dan Sukan negeri sempena sambutan Maulidul Rasul, hari ini.

Di LIMBANG, kira-kira 15,000 umat Islam termasuk dari Lawas dan Ba'kelalan berhimpun di Kompleks Sukan daerah ini, seawal jam 6 pagi bagi meraikan sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri Sarawak.

Mereka mewakili 58 kontinjen termasuk kakitangan jabatan dan agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan (NGO), pelajar sekolah dan sektor swasta.

Mereka kemudian berarak sejauh 1.6 kilometer membawa pelbagai sepanduk yang memuji Allah dan Rasulullah mengelilingi bandar Limbang.

(END)